

29 SEP 2001

Abdullah-Tabung Haji

BPR SIASAT TABUNG HAJI JIKA ADA UNSUR RASUAH, KATA ABDULLAH

PETALING JAYA, 29 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan menyiasat kes kehilangan lebih RM8 juta daripada akaun pendeposit Tabung Haji jika siasatan polis mendapati kes itu berunsur rasuah.

Katanya, pada masa ini polis masih menyiasat kes itu dan sedang memberikan perhatian kepada semua aspek dalam penyiasatannya.

"...Apabila polis menyiasat sesuatu kes dan jika didapati ada kes yang memerlukan pembabitian BPR, maka biasanya polis mencadangkan kepada BPR untuk mengambil tindakan. Kalau tidak, tidaklah dan polis meneruskan siasatan itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Forum Kesukarelawanan Kebangsaan di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas desakan beberapa pihak supaya BPR menyiasat kes Tabung Haji itu.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri berkata amalan itu merupakan prosedur kerja yang digunakan oleh polis dan BPR.

Katanya, dalam keadaan yang sama apabila BPR buat sesuatu siasatan, ia juga akan menyerahkan siasatan kepada polis jika maklumat yang diperolehi memerlukan penyiasatan polis.

"Saya ingat kita tidak perlu bimbang dalam hal ini. Jika apa-apa masalah yang ada dalam Tabung Haji yang mengurangkan keberkesanan khidmatnya kepada jemaah haji tentulah kita memperbaikinya. Kita tidak berhajat untuk pejam mata," katanya.

Pada Isnin lepas, Timbalan Ketua Pengarah BPR Datuk Ahmad Said Hamdan telah dilaporkan berkata bahawa agensi itu sedang memantau siasatan polis dan Jabatan Audit Negara berhubung kes Tabung Haji itu.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan berkongsi maklumat dengan Amerika Syarikat berhubung kegiatan Taliban memandangkan ia telah ada bukti bahawa Kumpulan Militan Malaysia (KMM) ada hubungan dengan Taliban di Afghanistan, Abdullah berkata ia akan bergantung kepada jenis maklumat yang berkenaan.

"Kita lihat maklumat apa yang diperlukan, ada yang perlu dikongsikan kita kongsi, kalau tidak tidaklah. Tetapi yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam adalah khusus berkaitan dengan kegiatan dalam KMM di negara kita, tidak lebih daripada itu," katanya.

Dr Mahathir semalam berkata, kerajaan mempunyai bukti dokumen yang mengaitkan KMM dengan Taliban di Afghanistan seperti gambar-gambar mereka semasa mendapat latihan di Afghanistan dan Pakistan.

-- BERNAMA

AFY MFJ MOZ